

Headline	Cantas wabak cegah HIV, AIDS menjelang 2030		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	48	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	153 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,004
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,012



## 'Cantas' wabak cegah HIV, AIDS menjelang 2030

**Putrajaya:** Kerajaan berpendirian teguh untuk memastikan negara ini komited dalam menangani dan mengakhiri wabak HIV dan AIDS menjelang 2030 selaras dengan deklarasi yang dibawa



Mesyuarat Peringkat Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai AIDS.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S Subramaniam berkata, sehingga kini negara mencapai penurunan kes baharu HIV mengikut sasaran ditetapkan malah mencapai tahap yang lebih baik dengan nisbah 10.9 daripada 100,000 penduduk.

"Bagaimanapun, penyebaran secara heteroseksual menerusi pekerja seks wanita adalah penyebab utama jangkitan baharu HIV di negara ketika ini dan bukan lagi perkongsian jarum suntikan oleh penagih dadah.

"Malah penyebaran secara heteroseksual juga mencatatkan peningkatan sebanyak 70 peratus dan berada pada tahap yang membim-

bangkan serta perlu ditangani dengan sebaiknya," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Katanya, pihaknya juga memberi tumpuan terhadap usaha pengurangan serta pencegahan kepada beberapa golongan lain yang berisiko tinggi sebagai penyebar HIV.

Dr Subramaniam berkata, golongan itu termasuk penagih dadah berkongsi suntikan yang dianggarkan seramai 170,000 orang, transgender (20,000 orang) dan pengamal seks sejenis atau gay sebanyak 170,000 orang.

"Kita juga memperluaskan pusat ujian saringan HIV di dalam komuniti iaitu di mana 20 pusat ujian akan dibuka tahun ini melalui kerjasama badan bukan ke-

rajaan (NGO)," katanya.

Menurutnya, kementerian turut memperluaskan kebolehcapaian ujian saringan HIV di Klinik 1Malaysia di samping klinik kesihatan dan hospital sedia ada bagi memudahkan orang ramai mendapatkan kemudahan berkenaan.

"Tiga inisiatif utama bagi negara mencapai sasaran mengakhiri AIDS ialah uji dan rawat; meningkatkan lagi program pencegahan dalam kalangan golongan sasar dan meningkatkan akses kepada rawatan.

"Kita perlu meneruskan usaha untuk memastikan wabak HIV dan AIDS menurun secara berterusan setiap tahun dan mampu menamatkan penyebaran wabak ini di dalam negara menjelang 2030," katanya.